

25/09/2003

Biar Bush tanggung aib angkara Iraq

AMARAN Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, bahawa dasar Amerika Syarikat melancarkan serangan awal boleh mencetuskan huru-hara dan mencabuli kedaulatan negara mangsa bukan saja satu tamparan, malah mengejek sikap Presiden George W Bush yang tanpa rasa malu memohon bantuan badan dunia itu bagi menangani krisis Iraq. Ketika menggempur Baghdad tanpa restu PBB, Bush dengan bongkak mempertahankan pendirian kononnya AS mempunyai hak dan tanggungjawab menggunakan kekerasan menghapuskan senjata pemusnah Iraq. Tetapi Annan menampik jika dasar itu diterima, ia akan menjadi ikutan mencetuskan penularan penggunaan kekerasan tidak terkawal. Ini secara langsung mengkhianati piagam PBB yang dijunjung Amerika sendiri ketika menubuhkan Liga Negara-Negara pada 1945.

Kecaman Annan itu sejajar kebimbangan disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap dasar unilateral Bush. Kini Bush ibarat lelaki gila talak memohon ihsan dan memujuk negara anggota PBB agar memikul sama beban mewujudkan ketenteraman di Iraq. Bush mungkin sedar jika jumlah askar AS yang maut dalam serangan ala-gerila di Iraq meningkat, beliau akan dikecam dan dipersalahkan seumur hidupnya kerana menghantar tentera ke kancah peperangan sama seperti di Vietnam pada 1970-an yang akhirnya memalukan AS. Negara yang menentang dasar AS itu, termasuk Jerman, Perancis dan Russia kini mahu Bush menanggung aib kerana membelakangkan PBB pada Mac lalu.